

SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS (UJIAN KEMAHIRAN) UNTUK KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK LEMBAGA GETAH MALAYSIA

1. MATLAMAT PEPERIKSAAN

1.1 Matlamat Peperiksaan Khas ini adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengukur kesesuaian Pembantu Penyelidik dari segi potensinya untuk dilantik ke jawatan di dalam Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan.
- (ii) Untuk menguji kemahiran Pembantu Penyelidik berdasarkan kepada pengalamannya di dalam menjalankan tugas-tugas rasmi.

2. TUJUAN PEPERIKSAAN

2.1 Untuk memenuhi sebahagian dari syarat-syarat kelayakan masuk ke Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan.

3. PEGAWAI YANG LAYAK MENGAMBIL PEPERIKSAAN KHAS

3.1 Pembantu Penyelidik Gred Q26 dan Q22 yang sedang berkhidmat dan Pembantu Penyelidik Gred Q17 yang telah disahkan dalam jawatan seperti yang ditetapkan di dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Penyelidik atau lain-lain jawatan tambahan yang ditetapkan dari masa ke semasa (jika ada) dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Penyelidik.

4. PEPERIKSAAN KHAS INI MENGANDUNGI

4.1 Ujian Kemahiran

Ujian ini akan dikendalikan oleh Panel Peperiksaan Lembaga Getah Malaysia.

5. KANDUNGAN SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS – UJIAN KEMAHIRAN

5.1 Ujian Kemahiran

5.1.1. Calon-calon akan diuji berdasarkan pengetahuan, kefahaman, peraturan-peraturan dan perkara-perkara yang disenaraikan di bawah. Soalan-soalan yang dikemukakan lebih menitikberatkan kepada:

1. Menguji kemahiran calon menggunakan undang-undang, peraturan-peraturan berkaitan di dalam melaksanakan tugas-tugas harian.
2. Meneliti, menilai dan menyelesaikan masalah-masalah melalui pangkajian kes sebenar atau kes yang direka.
3. Memberikan pendapat serta mengemukakan hujah-hujah menyokong sesuatu pendirian berhubung dengan undang-undang, peraturan-peraturan dan perkara-perkara berkaitan.
4. Menguji kemahiran calon-calon mengemukakan hujah-hujah melalui penganalisan mengenai sesuatu laporan/masalah.

5.1.2. Kertas Peperiksaan Ujian Kemahiran adalah mengandungi perkara-perkara berikut:

- 1) Penyelidikan
- 2) Pembangunan
- 3) Pengembangan

Seksyen 1 – Aktiviti Hulu

- Penyelidikan
- Pembangunan
- Pengembangan

Seksyen 2 – Aktiviti Hiliran

- Penyelidikan
- Pembangunan
- Pengembangan

6 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

6.1 Semua keputusan akan dikeluarkan dalam bentuk LULUS atau KANDAS sahaja.

7 PEMERIKSA

7.1 Pemeriksa Ujian Kemahiran akan ditetapkan oleh Panel Subjek Peperiksaan

8 BAHASA (SOALAN DAN JAWAPAN)

8.1 Bahasa Malaysia

9 PUSAT PEPERIKSAAN

9.1 Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan Lembaga Getah Malaysia

10. Soalan yang akan ditanya kepada calon adalah berbentuk **ESEI**.
Jawab Lima (5) soalan:

DUA (2) soalan dari Seksyen 1

DUA (2) soalan dari Seksyen 2

SATU (1) soalan dari mana-mana Seksyen 1 atau 2